

07 SEP 1998

Pemuda - Perak

ZAHID JANGKA AKAN ADAKAN MESYUARAT EXCO TIDAK LAMA LAGI

IPOH, 7 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno dijangka mengadakan mesyuarat Exconya tidak lama lagi bagi menyatakan pendiriannya mengenai tindakan Perdana Menteri dan juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Serta tindakan anggota Majlis Tertinggi Umno memecatnya dari parti itu, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Perak Jamal Nasir Rasdi, yang juga anggota Exco Pemuda Pusat.

Jamal Rasdi, yang juga pengerusi jawatankuasa sumber manusia Pemuda Umno berkata Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang menghubunginya melalui panggilan telefon hari ini berkata beliau (Zahid) akan mengadakan mesyuarat Exco Pemuda dalam masa terdekat, bagaimanapun belum menetapkan tarikhnya lagi.

Bagaimanapun, beliau yakin keputusan yang akan dibuat pada mesyuarat itu akan menjurus kepada kepentingan masa depan Pemuda Umno itu sendiri, katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat penerangan Umno mengenai pelucutan jawatan Anwar dan pemecatannya dari parti, di kediaman Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib di sini hari ini.

Jamal Nasir berkata walaupun Zahid dan Anwar mempunyai hubungan yang rapat dan bersimpati dengan kedudukan Anwar pada masa ini, sebagai pemimpin Zahid perlu memikirkan nasib dan masa depan orang yang dipimpinnnya.

Katanya, jika ada perbezaan pendapat, Zahid perlu menghormati pendapat orang lain dan memikirkan kepentingan masa depan Pemuda dan parti.

Jamal Nasir berharap anggota pergerakan Pemuda Umno dapat memberi keyakinan kepada Zahid dan memahami situasi yang dihadapinya kini, serta tidak mempolitikan isu ini, kerana ianya akan memberikan kesan yang tidak baik kepada pergerakan itu.

Beliau juga turut menyatakan sokongan Pemuda Umno Perak terhadap tindakan yang diambil oleh kerajaan dan parti terhadap Anwar dan keputusan itu diterima dengan penuh insaf dan tanggungjawab, katanya.

"Sebagai umat Islam, kita harus redha dengan keputusan tersebut sebagai sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah," katanya.

Pemuda Perak menaruh penuh kepercayaan terhadap Dr Mahathir, yang mempunyai pengalaman dan kewibawaan dalam menangani masalah seperti ini, dan yakin beliau dapat mengatasinya dengan baik.

Katanya, Pemuda perlu sentiasa bertenang dalam menghadapi dugaan ini, dan tidak mengambil sebarang tindakan yang boleh menggugat kestabilan parti dan negara.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Bahagian Bagan Serai Abdul Muhaimin Abdul Rahman Nazri hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai pegawai khas kepada Ketua Pergerakan Pemuda Umno berikutan tindakan Zahid yang bersekongkol dengan Anwar.

Tindakan tersebut diambil setelah berbincang dengan pelbagai pihak, dan difikirkan sebagai tindakan terbaik, katanya.

Beliau yang juga Penolong Setiausaha Pemuda Umno Perak telahpun memaklumkan kepada Zahid keputusannya dan telahpun menfakskan surat peletakan jawatannya itu kepada Zahid hari ini.

-- BERNAMA

HK RI